

# Johor sokong syor Pusat ambil alih bekalan air

UM 14 JUN 2003

MUARA 13 Jun — Kerajaan Negeri Johor menyokong cadangan kemungkinan Kerajaan Pusat mengambil alih pembangunan dan penyediaan bekalan air bersih daripada kerajaan-kerajaan negeri sekalipun ia berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berpendapat, sudah tiba masanya Pusat memainkan peranan penting dalam hal ehwal mengoptimumkan sumber bekalan air untuk negara, khususnya di Semenanjung.

“Kalau ini tidak dibuat, mungkin kita akan menghadapi masalah bukan sahaja di antara negeri dengan negeri tetapi boleh mencetuskan krisis bekalan air di negara ini. Negeri-negeri perlulah bersikap terbuka untuk menerima peranan Kerajaan Persekutuan dalam hal urusan bekalan air bersih ini.

“Jadi saya rasa sudah tiba masanya sumber air harus dilihat secara menyeluruh,” katanya kepada pemberita selepas bertemu mesra dengan penduduk Kampung Sungai Rambai, Bukit Gambir di sini petang ini.

Beliau menyatakan ini sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan Pusat mungkin mengambil alih pembangunan dan penyediaan kemudahan bekalan air bersih berikutan ketidakupayaan kerajaan-kerajaan negeri membiayai kos prasarana yang menelan belanja berbilion ringgit.

## Membiayai

Abdul Ghani berkata, Johor menyokong cadangan itu kerana melihat isu air secara menyeluruh walaupun pengurusan bekalan air negeri yang dikendalikan oleh Syarikat Air Johor Holdings (SAJH) berada dalam keadaan baik.

“Kita mampu membayar balik hutang pinjaman membiayai projek-projek perbekalan air. Bekalan air kita dalam keadaan baik. Walaupun begitu, kita melihat perkara ini secara menyeluruh untuk kepentingan negara,” katanya.

Beliau berharap, negeri-negeri lain termasuk yang bergantung kepada bekalan air mentah dari negeri lain patut menyokong cadangan tersebut, bukan turut mahu mengurus air sendiri sedangkan ia menghadapi ‘defisit’ air.

Menteri Besar menegaskan, isu sumber bekalan air adalah satu isu besar yang bukan melibatkan Malaysia sahaja tetapi membabitkan dunia apabila kos untuk memenuhi keperluan rakyat memerlukan belanja yang amat besar.

“Oleh yang demikian saya berpendapat, sudah sampai masanya kerajaan Persekutuan memainkan peranan yang penting dalam hal ehwal mengoptimumkan sumber bekalan air negara yang perlu dikendalikan secara menyeluruh,” ujarnya.